



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/04/25 (HQ)

SATU LAGI KOMITMEN TNB TERHADAP TENAGA BOLEH BAHARU

Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus komited dalam usaha menyalurkan tenaga mesra alam bagi keperluan negara dan kesejahteraan rakyat, dengan membangunkan satu lagi Projek Solar Berskala Besar (Large Scale Solar – LSS), kali ini di Bukit Selambau, Kedah.

Projek bernilai RM180 juta itu melibatkan pemasangan 134,880 panel solar fotovoltaik di tapak projek seluas 50 hektar, di Bukit Selambau, yang akan dibangunkan oleh TNB Bukit Selambau Solar Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh TNB Renewables Sdn Bhd (TRe).

Ia bukan sahaja bakal menjadi mercu tanda bagi pekan Bukit Selambau, bahkan diyakini akan memberi kesan limpahan terhadap sosioekonomi rakyat di kawasan berhampiran.

“Projek LSS ini bakal memberi manfaat kepada penduduk sekitarnya melalui peluang pekerjaan ketika projek dibangunkan, di samping aktiviti lain yang menyokong kerja-kerja di LSS,” kata Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dalam ucapan alu-aluannya pada majlis pecah tanah projek LSS itu, petang semalam.

Menurut Moggie, projek LSS yang dijangka siap dalam tempoh 24 bulan dengan Tarikh Sasaran Operasi Komersial pada 31 Disember 2020 itu bakal dibangunkan oleh pasukan sama yang berpengalaman membangunkan LSS terbesar pertama negara, di Sepang.

Upacara pecah tanah projek LSS itu dirasmikan semalam oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

“Kerajaan Negeri berharap agar TNB mengemukakan bidaan lagi bagi menambah kapasiti projek LSS di Bukit Selambau ini, yang mana saya difahamkan boleh mencapai penjanaan sehingga 100MW. Kami berharap TNB berjaya dalam bidaan itu nanti,” kata Datuk Seri Muhriz.

Menurut beliau lagi, jika TNB berjaya menambah projek LSS di Bukit Selambau sehingga 100MW, ia pastinya menjadi mercu tanda Bukit Selambau sebagai pekan solar.

S.A. 2019/04/25 (HQ)

Projek LSS berkapasiti 30 MWAC itu adalah satu lagi iltizam TNB ke arah mencapai keupayaan tenaga boleh baharunya (RE) sebanyak 1,700 MW menjelang 2025, sejajar sasaran kerajaan untuk mencapai 20 peratus sumber tenaga negara daripada RE, pada tahun sama.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1 April 2019, jam 11.30 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*